

## Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam

Siti Sa'adiah Shafik  
Nor Suhaily Abu Bakar

### ABSTRACT

*This paper discusses the concept of tauhid and its definition from both a linguistic and general viewpoint. The outcome of this discussion is further sub-divided into three sections. Tauhid al-uluhiyyah, Tauhid al-rububiyah, Tauhid al-asma' and al-sifat. Ahl Al-Sunnah Wa al-Jama'ah and Muktazilah are ulama who have been involved in numerous discussions related to the concept of tauhid. In addition, this topic will include their translation of the Holy Quran which is still available and well kept in the libraries.*

*Keywords: Tauhid; Aqidah*

### Pendahuluan

Tauhid bererti mengesakan Allah, menolak segala persamaan pada zat Allah, sifatNya dan perbuatannya (al-Jazaeri 1982: 87). Rasulullah s.a.w telah berjuang dalam mempertahankan asas-asas akidah dalam jiwa para pengikutnya. Rasulullah s.a.w melakukannya bukan berdasarkan pemikirannya tetapi menyahut wahyu Allah dan memenuhi kehendak ayat-ayat suci al-Quran yang keseluruhannya berlandaskan kalimah tauhid – 'la ila ha illallah' ( لا اله الا الله ). Ia merupakan kalimah ikhlas yang pertama diucapkan oleh seseorang yang menganut islam. Justeru itu boleh disimpulkan bahawa 'mentauhidkan Allah' ialah asas kepada akidah yang satu. Firman Allah:

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا  
إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ أَنْ أَقِيمُوا  
الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ  
اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴾

Maksudnya :

Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-perkara agama yang ia tetapkan hukumnya - apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu; "Tegakkanlah pendirian agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya." Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang Engkau seru mereka kepadaNya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama Tauhid itu, dan memberi hidayah petunjuk kepada agamanya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadanya (dengan taat).

(al-Shura: 13)

Apabila kita memperkatakan soal tauhid, ia tidak boleh lari daripada perbincangan mengenai tauhid al-uluhiyyah yang membicarakan soal yang berkaitan dengan perbuatan ibadah bagi Allah, tauhid al-rubĒbiyyah pula menerangkan bahawa Allah yang mencipta semuanya dengan sendirinya dan tauhid al-asma dan sifat ialah menerangkan kesempurnaan zat Allah yang kekal dan nama-namanya serta sifat-sifatnya yang agong.

Oleh itu, matlamat utama semua rasul-rasul terdahulu ialah tauhid, bermakna mereka melaksanakan tugas dan perintah Allah Taala dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Di dalam al-Quran banyak menerangkan mengenai perkara tersebut dengan terang dan jelas . Firman Allah s.w.t.:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾ أَنْ  
لَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمِ الْآلِيمِ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah; sesungguhnya Aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan. Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata, "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu."

(Hud: 25-26)

Dalam perkara lain pula, sebagai al-din yang berperanan untuk mengukuhkan keyakinan manusia kepada agamanya, supaya akidah itu menjadi asas utama untuk mengukuhkan keyakinan mereka kepada agama Islam; selaku agama yang sesuai dengan fitrah manusia, mereka perlu dipandu oleh

akidah, agar mereka benar-benar menjadi seorang insan kamil yang berasaskan akidah suci, kerana dengan akidah seseorang manusia menjadi kuat. Untuk mendapatkan gambaran yang tepat dan benar tentang kedudukan akidah, Allah berfirman dalam al-Quran:

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٍ خَيْرٌ  
أَمْ مَنْ أَسَّسَ بُنْيَانَهُ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَانَهَارَ بِهِ فِي نَارِ  
جَهَنَّمَ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠٩﴾

Maksudnya:

Maka apakah orang-orang yang mendirikan mesjidnya di atas dasar taqwa kepada Allah dan keredhaan-(Nya) itu yang baik, ataukah orang-orang yang mendirikan bangunannya di tepi jurang yang runtuh, lalu bangunannya itu jatuh bersama-sama dengan dia ke dalam neraka jahannam. Dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada orang-orang yang zalim.

(al-Taubah: 109)

Islam difahami dan diyakini sebagai sistem penyusunan umat manusia dalam membina sebuah peradaban mulia dan tinggi bersesuaian dengan sifatnya yang menepati nilai kemanusiaan sejagat. Islam perlu dihayati bukan sebagai reaksi kepada kemusnahan peradaban semasa, bahkan pada awal lagi ia diutuskan untuk memberi rahmat kepada keseluruhan umat manusia termasuk bukan Islam. Prinsip Islam berkaitan pembangunan masyarakat adalah bersesuaian dengan kehendak kemanusiaan walaupun wujud perubahan cara hidup dan ruang tempat yang berbeza.

Keimanan mutlak hanya kepada Allah membentuk satu pandangan hidup yang menyeluruh berasaskan semangat tauhid. Ia memberi arah tuju dan 'sense of mission' kepada umat Islam dalam membina personaliti diri dan menyusun sistem bermasyarakat sesuai dengan fitrah kemanusiaan untuk terus maju dalam semua aspek kehidupan. Al-Quran menegaskan bahawa semua rasul datang memperkenalkan akidah ini dan berjuang menegaskannya, walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan halangan mereka meneruskan juga tanggungjawab ini semata-mata kerana patuh dan taat akan suruhan Allah. Oleh itu ia mutlak dan umum di mana menjadi risalah sekalian rasul yang diutuskan.

## Pengertian Tauhid

Perkataan tauhid berasal daripada bahasa arab (توحيد); pecahan daripada perkataan *wahhada*, yang umumnya bererti keesaan dan menolak berbilang-bilang (al-Jazaeri 1982, 87).

Dari sudut syarak pula, tauhid bermaksud menolak segala bentuk persamaan pada zat Allah, sifatNya dan perbuatanNya (al-Jazaeri 1982, 87). Dengan perkataan lain menolak perbuatan syirik terhadap Allah, sebagaimana firman Allah Taala mengenai keesaanNya:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): '(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa'

(al-Ikhlâs: 1)

Firman Allah Taala mengenai penafian syirik dalam al-rububiyah:

قُلْ مَنْ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلِ اللَّهُ

Maksudnya:

Bertanyalah (wahai Muhammad), "Siapakah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi?" Jawablah, "Allah."

(al-Ra'd: 16)

Dari kitab *al-Fiqh al-Akhar* menyebut tentang asas mengenal tauhid yang hak iaitu berpandukan riwayat dari Abu Hanifah r.a, terdapat satu kaum dari ahli kalam ingin mengkaji bersamanya tentang cara bagaimana menetapkan tauhid al rububiyah. Maka beliau berkata kepada mereka, "Beritahu kepadaku sebelum kita membincangkan masalah ini. Sebuah kapal yang dipenuhi dengan muatan seperti makanan dan barang-barang lain pergi dan kembali dengan sendirinya dan berlabuh serta memungkah barang berlaku dengan sendiri, semuanya berlaku tanpa ada orang yang mengendalikannya." Mereka berkata, "Ini mustahil, dan tidak boleh berlaku." Beliau menjawab, "Jika keadaan kapal itu mustahil bagaimana dengan alam ini seluruhnya sama ada di atas atau di bawah" (al-Kufi 1984, 14-15).

Menurut Ali Ibn Sultan Muhammad al-Qari bahawa ilmu tauhid adalah asas kekuatan semua ilmu dan yang paling mulia berbanding ilmu-ilmu yang lain. Ini disebabkan ia perlu mengikut syarat yang telah ditetapkan iaitu tidak boleh terkeluar dari maksud al-Quran, hadis dan ijmak, begitu juga ia tidak boleh menyeleweng dari landasan yang telah ditetapkan. Sebagaimana ahli bid'ah yang mengutamakan akal dari sumber-sumber naqli yang telah diamalkan sejak dahulu oleh Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah (al-Jazaeri 1982: 5). Ini berpandukan hadis yang diriwayatkan dari al-Tarmizi dan lain-lain:

وان بني إسرائيل تفرقت على اثنتين وسبعين ملة وتفرقت

أمّتي على ثلاث وسبعين ملة كلهم في النار إلا ملة واحدة  
قالوا ومن هي يا رسول الله قال ما أنا عليه و أصحابي.

Maksudnya:

Sesungguhnya kau Bani Israel telah berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, dan umatku pula kepada tujuh puluh tiga golongan kesemuanya dalam neraka kecuali satu sahaja, maka mereka pun bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w; Siapakah golongan yang satu itu? Sabda Rasulullah s.a.w ialah yang aku dan para sahabatku berada di atasnya.

(Al-Hakim, t.th., jil. 1: 128-29; Al-Mirwazi, t.th., 18); Ibn Waddah, t.th., 80;  
Al Ajuri, t.th., 15; Al-Lalikai, t.th., 90-100; Al-Tirmizi, t.th., 10:109-10)

Dengan penjelasan al-Quran dan hadis-hadis itu, dapat difahami bahawa konsep tauhid itu menekankan soal kepentingan pegangan, pengilmuan dan penghayatan terhadap al rububiyah. Hal kepentingan di atas, lebih utama lagi jika dapat dimengertikan oleh al-Quran sendiri pada banyak tempat dengan pelbagai pendekatannya, menekankan secara sungguh-sungguh aspek yang berhubung dengan tauhid.

Ibn 'Abbas pernah menyebut tentang perkara ini, Allah melindungi orang yang suka membaca al-Quran dan mengamalkannya supaya ia tidak sesat di dunia dan tidak mendapat azab di akhirat kelak (al-Jazaeri 1982: 6). Kemudian beliau membaca ayat ini:

فَمَنْ اتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ

Maksudnya:

Allah berfirman: Turunlah kamu berdua dari syurga itu, bersama-sama, dalam keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain; kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu, maka sesiapa yang mengikut petunjukKu itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara.

(Taha: 123)

## **Tauhid dan Bahagian-Bahagiannya**

Ilmu tauhid merupakan ilmu yang berkisar dalam tauhid ilahiyyah yang bergabung di dalamnya tiga bahagian yang penting iaitu tauhid al-uluhiyyah, tauhid al-rububiyah, dan tauhid *al-asmd'* dan *al-sifat*. Semuanya akan dibincangkan maknanya satu persatu. Sebagaimana Allah Taala menyebut di dalam al-Quran mengenai tujuanNya menjadikan makhluk-makhluk itu adalah bermaksud untuk mentaatinya dan bukan menyekutukanNya dengan yang lain.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(al-Dzariyyat: 56)

Dalam konteks ini ibadah juga bermaksud tauhid kerana ia memerlukan sesuatu pengertian yang betul-betul meyakinkan diri para-para nabi dan umat, Allah telah berfirman:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ  
وَأَجْتَنِبُوا الصَّغُورَ ۗ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ  
حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ  
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكذِبِينَ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut." Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulNya.

(al-Nahl: 36)

### **Tauhid al-Uluhiyah**

Pengertian tauhid al-ulEhiyah ialah setiap yang berkaitan dengan perbuatan ibadah bagi Allah seperti doa, nazar, korban, pengharapan, takut, tawakkal, suka, dan keampunan (Ibn Taimiyah, t.th., 4). Makna tauhid al-uluhiyah bermaksud Allah sahaja yang paling berhak disembah dan jangan sekali-kali menyekutukanNya (Abu al'Iz, t.th., 10).

Di antara dalil al-Quran yang menyebut perbuatan-perbuatan ibadah seperti doa di dalam firman Allah Taala:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ  
عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.

(Ghafir: 60)

Asal pengertian ibadah ialah menyerahkan sepenuhnya keikhlasan terhadap Allah Taala sahaja disamping menjadi pengikut Rasulullah s.a.w yang setia. Segala ibadah yang diajar oleh Rasulullah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain itu membawa kepada maksud setiap hamba mesti patuh dan taat kepada suruhan Allah Taala dan Rasulnya. Kesetiaan dan keluhuran tanda keimanan yang kuat, mantap dan kukuh. Itu namanya muslim yang kamil, ia tidak menolak apa-apa yang disuruh oleh Rasulullah s.a.w.. Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam tauhid al-uluhiyah bahawa tauhid al-rububiyah adalah tauhid yang dituntut di dalam akidah maka sebab itu apabila dibicarakan tentang tauhid al-uluhiyyah dengan secara tidak langsung ia melibatkan sama tauhid al-rubūbiyah juga.

### **Tauhid al-Rububiyah**

Mengenai maksud tauhid al-rububiyah iaitu menerangkan bahawa Allah yang mencipta semuanya dengan sendirinya. (Abu al'Iz, t.th., 10). Allah Taala melakukannya sendiri tanpa penolong dan pembantu. Al-Quran menjelaskan perkara itu seperti firmanNya:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ  
وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ  
مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا  
تَتَّقُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya:

Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran

dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? "(Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segala-galanya! "Oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa.

(Yunus: 11)

Alam ini tidak mempunyai dua pencipta yang sama pada sifat dan perbuatan. Ini yang dikatakan tauhid yang sebenar yang tidak terdapat di dalamnya kesangsian. Pengertian itu merupakan matlamat ahli kalam dan segolongan ahli sufi (Abu al'Iz, t.th: 10). Jika berlaku ada dua pencipta nescaya akan berlaku huru-hara dalam pelaksanaan, peraturan dan pentadbiran seperti sebuah kapal dikendalikan dua nakhoda, akibatnya kapal akan binasa.

Tauhid al-rububiyah juga tidak pernah memihak kepada sesuatu golongan tertentu dari bani Adam, ini disebabkan kerana jiwa dan hati yang dicipta dengan fitrah akan tetap mengakui kebenaran tentang kebesaran Allah lebih dari yang lain-lainnya (Abu al'Iz, t.th., 10). Di dalam al-Quran menerangkan pengertian ini melalui kata-kata para Rasul yang disebut dalam firman Allah Taala:

﴿ قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ﴾

Maksudnya:

Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi?"

(Ibrahim: 10)

Di antara golongan manusia yang paling angkuh di muka bumi ini dan ingkar terhadap pencipta (Allah) ialah Firaun, tetapi di dalam hatinya masih ada keyakinan terhadap Allah. Sebagaimana Musa a.s bertanya kepadanya (Firaun):

قَالَ لَقَدْ عَلِمْتَمَا أَنْزَلَ هَؤُلَاءِ إِلَّا رَبُّ السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ. بَصَائِرَ

Maksudnya:

Musa menjawab: "Sesungguhnya kamu telah mengetahui, bahwa tiada yang menurunkan mukjizat-mukjizat itu kecuali Tuhan yang memelihara langit dan bumi sebagai bukti-bukti yang nyata; dan sesungguhnya aku mengira kamu, Hai Fir'aun, seorang yang akan binasa."

(al-Isra': 102)

Pada hakikatnya, semua ayat al-Quran membuktikan dengan jelas bahawa Firaun seorang yang ingkar terhadap Allah dan menolak segala yang ada pada Allah, walaupun demikian, dia tidak meminta penjelasan yang nyata tentang hakikat Allah. Oleh itu, Nabi Musa cuba menerangkan kepada kaumnya bahawa Firaun sememangnya sudah mengetahui tentang Allah. Sehubungan dengan itu, bahawa tauhid yang dimaksudkan dalam perkara ini ialah tauhid Ilahiyyah. Tauhid Ilahiyyah ialah tauhid yang mengandungi tauhid al-rububiyah sebagaimana yang diterangkan di dalam al-Quran.

Sebagaimana Rasulullah s.a.w bersabda:

كل مولود يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو  
يمجسانه

Maksudnya:

Setiap anak dilahirkan dengan fitrah, kedua ibu bapanya yang bertanggungjawab menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.

(Sahih al-Bukhari t.th., 3, juz 3: 216)

Walaupun demikian, ini tidak bermakna setiap yang dilahirkan dengan fitrah tidak mengenal erti tauhid dan tidak pula menjadikan syirik. Ini dijelaskan lagi di dalam hadis qudsi:

Maksudnya:

Aku jadikan hamba-hambaku tulus suci, lalu syaitan telah memperdayakan mereka ke jalan yang sesat.

(Muslim, t.th., hadis 5109; Ahmad, t.th., hadis 16837)

### **Tauhid Al-Asma' dan Al-Sifat**

Al-Asma' dan al-Sifat dua nama yang mempunyai kaitan yang erat dalam perbincangan tauhid. Kedua-dua frasa itu menerangkan kesuburan zat Allah yang kekal padanya seperti sifat-sifat ketinggian, kecantikan, keagungan, kesempurnaan, kekuasaan, kehendak, keilmuan dan kebijaksanaan, semua sifat-sifat itu menguatkan bahawa Allah s.w.t yang berhak disembah kerana tiada kekurangan baginya.

### **Pengertian *al-Asma' al-Husna***

Asma' Allah atau nama-nama yang indah bagi Allah S.W.T, semuanya menunjukkan keelokan dan kecantikan maknanya bagi Allah Taala, sebagaimana disebut di dalam al-Quran:

## وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

Maksudnya:

Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

(al-A'raf : 180)

Oleh kerana Allah s.w.t mempunyai nama-nama yang elok, maka ia membawa kepada sifat-sifat yang sempurna yang tidak ada kekurangan sedikit pun, seperti al-Haiyyu (hidup), al-'Alim (maha mengetahui), al-'Aziz (maha perkasa), al-Hakim (maha bijaksana) dan lain-lain (Ibn 'Othaimin 1990: 9).

### Pengertian al-Sifat

Dari sudut istilah Ulama Kalam mentakrifkan kepada sesuatu keadaan di sebalik zat atau yang berdiri dengan zatnya dari sifat *ma'ani* dan sifat *nu'ut* iaitu bagi Allah mempunyai sifat-sifat ketinggian, kecantikan, keagungan dan kesempurnaan seperti kekuasaan, kehendak, mengetahui dan bijaksana. Perlu bagi umat Islam beriman dengan sifat-sifat Allah Taala dengan mengisbatkanNya tanpa ragu-ragu dengan mengingatkan Allah tidak mempunyai bentuk dan tidak menyerupai yang lain dari makhluk. Dalam soal ini Allah Taala menyebut tentang keimanan dengan Allah dan sifat-sifatNya di dalam al-Quran:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar dan melihat.

(al-Shura : 11)

Pengertian tauhid al-Asma' dan al-Sifat iaitu mengesakan Allah Taala dengan asma'Nya dan sifat-sifatNya. Allah Taala mengisbatkan di dalam al-Quran mengenai dirinya melalui asma' dan sifat atau melalui Rasulullah s.a.w yang menerangkan dengan tepat tanpa ada apa-apa perubahan di dalamnya (Ibn 'Othaimin 1990, 230). Sebagai seorang hamba tidak seharusnya mengisbatkan sesuatu dengan nama Allah atau sifatNya, perkara ini dijelaskan di dalam al-Quran:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝  
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad) : Tuhanku ialah Allah yang Maha Esa: Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat: Ia tiada beranak , dan Ia pula tiada diperanakkan dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya.

(al-Ikhlâs: 1-4)

Dan firman Allah Taala:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي  
أَسْمَائِهِ ۖ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Hanya milik Allah asma-ul husna, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asma-ul husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

(al-A'raf: 180)

Agama Islam melarang keras kepada sesiapa mengaitkan nama atau sifat Allah Taala yang tidak disebut di dalam al-Quran dan hadis, kerana cara yang demikian menimbulkan salah faham dalam Islam terutama yang berkaitan dengan Allah. Sebaik-baiknya perlu dirujuk pada al-Quran dan hadis supaya tidak tersesat jalan dalam apa jua kemungkinan yang membawa kepada syirik, maka umat Islam mesti sentiasa berhati-hati dalam soal nama-nama Allah dan sifat-sifatnya supaya sentiasa di jalan yang betul dan lurus, jika tidak tahu dan tidak faham perlu bertanya kepada mereka yang arif dalam soal itu seperti kata pepatah jika malu bertanya sesat jalan dan al-Quran mengalu-alukan mereka yang jahil itu hendaklah sentiasa bertanya kepada orang yang lebih tahu.

Oleh itu, setiap perbuatan syirik boleh membawa penipuan di dalam nas-nas al-Quran dan pendustaan terhadap Allah dengan menyamakanNya dengan makhluk. Begitu juga tidak harus mengisbatkan nama atau sifat Allah dengan bentuk dan rupa, kerana perkataan itu boleh membawa kepada kekeliruan di dalam sifat Allah Taala. Semua ini akan menjadikan setiap orang akan berkhayal memikirkan rupa dan bentuk yang tertentu bagi Allah, dan keadaan

tidak boleh kesampaian oleh akal kerana Allah Taala Amat Tinggi dan Amat besar kekuasaanNya (Ibn Othaimin, 1990, 231).

### **Ilmu Tauhid Asas Mengenal Allah**

Ilmu tauhid merupakan asas penting dalam agama Islam, mengenal Allah adalah salah satu daripada perbincangan dalam ilmu tauhid. Oleh itu, setiap umat Islam wajib mempelajari tentang Allah, sifat-sifatNya dan perbuatanNya supaya dapat mengukuhkan lagi keimanan mereka setelah mereka mentauhidkan Allah dan menyembahNya dengan penuh takwa dan iman serta tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu yang sama dengan makhluk. Sebagaimana firmanNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksudnya: "...Tidak ada sesuatu yang seumpamanya"

(al-Shura: 11)

Perbincangan ilmu tauhid banyak menumpukan mengenai zat, sifat dan perbuatan Allah, maka al-Quran dan al-Sunnah merupakan dalil-dalil qat'i iaitu pasti dalam perbincangan itu. Apabila nas-nas al-Quran membicarakan soal zat Allah nescaya timbul perbalahan dan perpecahan di kalangan umat Islam terutama ahli bidaah, mereka menyimpang jauh daripada membawa manusia kepada memperkatakan pandangannya terhadap sesuatu yang berhubung dengan dhat dan sifat-sifat Allah. Sebagaimana Rasulullah s.a.w bersabda:

لا تفكروا في آلاء الله ، ولا تفكروا في الله ، فإنكم لن تقدروا قدره

Maksudnya:

Janganlah memikirkan soal nikmat Allah, dan janganlah memikirkan soal zat Allah, nescaya kamu tidak mampu untuk mencapainya.

(Al-Haithami t.th., jil. 1: 18)

Hadith *Athar* ini mengariskan landasan yang betul dan tepat mengemukakan panduan yang wajib diikuti oleh seseorang yang inginkan keselamatan dan pelepasan daripada neraka. Perlu diketahui bahawa soal membicarakan tentang Allah Taala adalah dilarang kerana manusia tidak mampu untuk sampai kepada masalah itu. Tidak syak lagi bahawa perbincangan pada zat dan sifat-sifat ketuhanan dari segi hubungan antara keduanya, sama ada bertujuan tauhid mahupun mencari perbezaan antara zat dan sifat-sifat itu, merupakan satu serbuan manusia terhadap satu kedudukan yang tinggi yang tidak dapat digayuti oleh sebarang sangkaan atau khayalan seseorang.

Akidah Islam melambangkan iltizam seorang Islam dalam tatacara hidupnya yang banyak membantu masyarakat Islam menyelesaikan masalah yang dihadapinya menerusi hidayah dan pertolongannya. Ini perlu dilihat dari konsepsinya yang sebenar mensucikan jiwa dari segala gejala-gejala yang tidak sihat seperti fahaman khurafat, wahm iaitu perkara tidak jelas dan ajaran sesat. Dengan kekuatan dalaman itu dapat mengeratkan lagi perpaduan persaudaraan sesama insan. Islam merupakan ubat bagi segala penyakit yang mana ia mampu mengubati penyakit sosial yang amat berbahaya, sebagai contoh Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali, mereka mengaku bersaudara dengan hamba-hamba Islam seperti Salman al-Farisi, Bilal al-Habshi dan Suhaib al-Rumi (Sobir Tu'aimah t.th.: 181).

### **Pengertian Akidah Dari Sudut Bahasa dan Istilah**

Perkataan akidah itu berasal daripada *al aqd* yang membawa erti ikatan yang kuat dan kukuh, tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain. Ia juga digunakan sebagai makna perjanjian dan menguatkan sumpah dan maksud yang lain pula ialah jual beli, iaitu menunjukkan aqad jual beli penjual dan pembeli yang dilakukan kebiasaannya seperti mengaqad pada kedua-dua penjuru baju atau kain untuk menunjukkan maksud aqad yang sebenar iaitu mengikat dengan erat dan kukuh (Ibn Faris t.th., 4: 86-90; Lisan al-'Arab t.th., 3: 296-300; al-Kamus al-Muhit t.th.: 384-389).

Akidah dari sudut istilah umum digunakan untuk menentukan hukum menerusi minda bergantung kepada kepastiannya sama ada ia benar atau salah. Jika hukum akal sudah menentukan kepastiannya itu benar maka aqidah itu benar, contoh seperti kepercayaan orang Islam terhadap keesaan Allah. Jika ia menghukumkannya salah maka ia tetap salah seperti kepercayaan orang Nasrani bahawa Allah ialah salah satu dari tiga tuhan. Ia juga digunakan untuk menunjukkan keimanan yang telus, dan benar-benar yakin dan pasti tidak ada keraguan kepadanya. Sebagaimana manusia beriman dengannya, mengikut janji setia dalam hatinya untuk taat setia kepada satu mazhab, satu agama yang dianutinya setelah diteliti dan dikaji kebenarannya (Nasir al'Aql, t.th., 9).

### **Kepentingan Akidah dalam Islam**

Akidah merupakan kepercayaan yang terikat erat dan tersimpul kukuh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan tercerai atau terhurai (Mahmud Shaltut 1966, 12). Akidah penting dalam kehidupan manusia. Kuat atau lemah akidah seseorang bergantung kepada iktikadnya benar-benar kepada Allah yang merangkumi ilmunya, kekuasaannya, kepercayaan tentang mati dan hidup serta balasanNya terhadap kebaikan yang diusahakannya sendiri bukan secara

paksaan. Begitu juga iktikadnya terhadap kewajiban taat kepada apa yang disampaikan oleh para rasul dan nabi sama ada berbentuk suruhan dan larangan, setelah keimanan bertapak di dalam jiwa manusia akan tertanam perasaan yang mulia pada dirinya, akhlakunya melengkapkannya dan mengatur hubungannya antara makhluk dan kehidupan dengan baik (Al-Jazaeri 1982, 23).

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa akidah secara umum ialah kepercayaan yang terikat kuat atau tersimpul kukuh dalam jiwa. Ini tidak bererti bahawa setiap akidah mempunyai nilai kekuatan atau kekukuhan yang sama. Oleh kerana akidah itu mempunyai pelbagai corak, akidah sesat, akidah yang batil, akidah yang khayalan dan sangkaan, dan juga akidah yang benar lagi haq, maka nilai kekuatan sesuatu akidah itu bergantung kepada nilai kekuatan ciri-ciri akidah itu.

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa akidah yang benar-benar menepati dengan pengertian dan konsepnya yang sebenar ialah akidah Islam yang berteraskan kepada keimanan kepada Allah dan konsepnya yang sebenar seperti yang diterangkan oleh Allah dalam al-Quran.

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اَعْبُدُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ وَالَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.

(al-Baqarah: 21)

Dan firmanNya lagi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْاِنْسَانَ مِنْ سُلٰلَةٍ مِّنْ طِيْنٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنٰهُ  
نُطْفَةً فِيْ قَرَارٍ مَّكِيْنٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا  
الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا  
ثُمَّ اَنْشَاْنَهُ خَلْقًا ؕ اٰخِرٌ فَتَبٰرَكَ اللهُ اَحْسَنُ الْخٰلِقِيْنَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku.

Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk Yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

(al-Mu'minun: 12-14)

Dari kenyataan ayat-ayat al-Quran itu, jelas bahawa Allah Maha Berkuasa dari segala-galanya. Al-Quran menguatkan lagi kebenaran itu dengan menarik perhatian manusia supaya melihat dan memikirkan kebenaran hujah-hujah itu, sama ada yang berhubung dengan alam semesta, fitrah semula jadi, kehidupan, makhluk dan ciptaan Allah. Semuanya menguatkan kepada kita betapa pentingnya al-Quran diturunkan kepada manusia yang membawa segala pengetahuan yang mampu menolongnya untuk mencapai sesuatu ilmu yang digambarkan dalam al-Quran (Sobir Tu'aimah, t.th., 78).

Memandangkan akidah Islam mempunyai keistimewaan berbanding akidah-akidah lain, maka ia mudah disamping ajaran-ajarannya yang jelas dan tidak kabur, dengan itu, akidah Islam telah menarik ramai orang untuk menganutinya. Semuanya telah diatur dan disusun dengan begitu indah sekali oleh pencipta alam ini iaitu Tuhan yang satu yang mempunyai kekuasaan, tidak ada sekutu baginya, tidak ada yang menyerupainya dan tidak ada penolong atau anak (al-Qardawi 1980, 37). Seperti firman Allah Taala:

وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحٰنَهُ ۗ بَل لَّهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ  
وَالْاَرْضِ كُلُّ لَّهُ قٰنِطُوْنَ

Maksudnya:

Dan mereka (orang-orang musyrik) berkata, "Allah mempunyai anak." Maha suci Allah (dari apa yang mereka katakan itu), bahkan Dialah yang memiliki Segala yang di langit dan di bumi, semuanya itu tunduk di bawah kekuasaanNya.

(al-Baqarah: 116)

Islam menyuruh umatnya saling bantu membantu antara satu dengan lain supaya mereka dapat menjalin perpaduan sesama manusia di sebalik kepincangan dalam ummah agar kembali kepada punca yang satu iaitu Allah s.w.t pencipta seluruh alam. Dalam akidah tauhid tidak terdapat akidah-akidah *tathlith* atau *mathnawiyah* atau lain-lain yang membawa kesamaran dalam akidah. Islam kerana akidah ini yang benar dan menyembah Allah Taala sahaja tidak ada dua

atau tiga dia Allah yang esa, justeru itu iman yang kukuh tidak boleh ditembusi apa jua bentuk kebatilan yang membawa kepada kemusnahan dan kehancuran.

### **Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Akidah Islam**

Pendidikan akidah Islam amat penting diberi perhatian oleh ibu bapa dan para pendidik terhadap anak-anak mereka terutama sedari kecil. Ada beberapa kaedah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang patut dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik kepada kanak-kanak supaya jiwa, perbuatan dan tutur kata mereka mencakupi pengajaran Islam. Rasulullah s.a.w. sendiri mengambil berat dengan mengajar anak-anak tentang usul keimanan, rukun islam, syariat dan adab perilaku supaya mereka membesar dalam keadaan iman yang sempurna dan teguh. Tegasnya tanggungjawab pendidikan akidah Islam keatas para ibu bapa dan pendidik adalah tanggungjawab utama dan amat penting sekali kerana disitulah tempat sumber segala kebaikan dan timbulnya kesempurnaan. Tanpa pendidikan akidah yang sempurna sejak kecil, seseorang anak itu tidak akan mahu menjalankan kewajipan agamanya, tidak bersifat amanah dan tidak tahu arah dan matlamat kehidupannya. Menurut Abdullah Nasih Ulwan, Islam adalah satu-satunya agama yang membawa kurikulum yang menyeluruh dalam semua aspek pendidikan bagi membangunkan suatu generasi ummah yang utuh dan bertamadun berasaskan cahaya tauhid atau keimanan, ilmu pengetahuan, petunjuk dan ketenteraman jiwa (Ulwan, 1995: 2).

Bagi mencapai matlamat itu adalah menerusi pendidikan. Pendidikan pula begitu luas skopnya meliputi pendidikan individu, masyarakat, keluarga dan bangsa manusia sejagat. Pendidikan anak-anak termasuk dalam bidang pendidikan individu. Dalam konteks ini, Islam berusaha menjadi anggota masyarakat yang baik dan menjadi manusia yang soleh dalam kehidupan mereka. Pendidikan anak-anak dilihat sebagai asas dalam menyediakan individu yang soleh dan individu yang dapat menanggung segala tanggungjawab dan tugas kehidupan dunia.

Dalam aspek akidah, Ulwan (1995,177-200) mengemukakan teorinya berdasarkan al Quran, hadis dan pandangan para salaf soleh. Menurutnya setiap pendidik dan ibu bapa mesti melengkapkan anak daripada masa mereka mula membesar dengan kefahaman yang berasal daripada pendidikan keimanan dan kebiasaan asas-asas Islam. Tujuannya supaya anak-anak menghubungkan diri mereka dengan Islam daripada segi ibadah dan akidah serta syariah Islam. Ia juga bagi memastikan supaya anak-anak akan hanya berpandu kepada petunjuk Islam dan Al Quran serta sunnah Rasullullah s.a.w dijadikan pemimpin dan teladan.

Pesanan Rasulullah s.a.w. kepada pendidik dan ibu bapa berkaitan pendidikan akidah supaya memulakan pengenalan anak dengan kalimah

syahadah, memperkenalkan anak yang berakal dengan hukum halal dan haram, menyuruh anak beribadah sejak berumur tujuh tahun dan mendidik anak supaya mencintai Rasulullah dan keluarga baginda dengan membaca al Quran.

Pendidikan akidah kepada anak bersesuaian dengan jiwa kanak-kanak iaitu setiap anak dilahirkan atas fitrah tauhid dan iman kepada Allah. Jadi pendidikan akidah boleh dikaitkan dengan konsep fitrah dalam Islam sebagaimana firman Allah dalam surah al- Rum ayat 30 yang bermaksud:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ  
عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَٰكِن  
أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(al Rum: 30)

Ayat ini menjelaskan bahawa fitrah Allah bermaksud ciptaan Allah. Manusia diciptakan Allah mempunyai naluri beragama iaitu agama tauhid. Kalau ada manusia tidak beragama tauhid, maka hal itu tidak wajar. mereka tidak beragama tauhid itu hanyalah lantaran pengaruh luar.

### **Pembinaan Keutuhan Akidah Islam**

Untuk membina kekuatan umat Islam, Islam memberi keutamaan kepada pembinaan keutuhan akhlak di kalangan semua lapisan umat Islam. Akhlak Islam yang tinggi akan menjadi asas kepada perjuangan dan cita-cita hidup setiap individu muslim ke arah menjayakan idealisme Islam. Ia melahirkan keikhlasan dan ikatan emosi seseorang kepada perjuangan untuk memaju kekuatan umat Islam.

Akhlak tidak boleh difahami sebagai perilaku individu yang jujur dan lurus semata-mata. Ia harus dilihat dalam rangka menyeluruh yang membabitkan perjuangan ke arah mendaulatkan penghayatan nilai kebenaran dalam semua aspek kegiatan kehidupan. Ia turut meliputi usaha dan peningkatan ibadat untuk menyuci niat dan sikap. Begitu juga memiliki sifat ihsan kepada saudara manusia yang lain dalam menjalani urusan hidup.

Kemuncak kepada nilai akhlak ialah terlaksananya penghayatan kepada semangat keadilan yang dapat dipupuk dalam semua aspek penyusunan hidup bermasyarakat. Rata-rata umat Islam memahami dan masih menganggap memiliki akhlak mulia akan membentuk seseorang menjadi lurus dan jujur dalam menerajui hidup dan pekerjaannya dengan tidak banyak menimbulkan keburukan kepada masyarakat. Kefahaman sedemikian menganjurkan kepada individu semoga membina perilakunya saja dan tidak ingin berperanan dalam membaiki serta membangun kekuatan masyarakat. Sebagai insan bersifat individu sosial, sikap sedemikian tidak menepati peranan seorang Islam yang positif.

Umat Islam perlu berkecimpung dalam urusan masyarakat dengan semangat untuk membina dan memajukan bangsa sehingga mampu berperanan besar kepada peradaban negara. Akhlak masyarakat Islam khususnya di Malaysia perlu ditingkatkan ke arah perubahan positif demi memajukan ummah. Amalan rasuah, menipu, menindas, memfitnah dan memiliki beberapa sifat yang hina, perlu dikikis dan dihapuskan.

Akhlak Islam mendidik umatnya supaya dalam menguasai harta, dan menganggap harta hanya sebagai amanah kurniaan Allah. Justeru, harta yang dimiliki perlu dibelanja dan dilabur demi mendapat keredaaan Ilahi. Ia tidak seharusnya menjadi matlamat muktamad dalam kehidupannya. Perspektif ini yang membezakan di antara akhlak Islam dengan sekular yang menggunakan pengaruh yang datangnya dari barat adalah betul contohnya pergaulan bebas, budaya bukan Islam, peraturan yang belawanan dengan Islam dan lain-lain. Islam menganjur hak pemilikan disepadukan dengan tanggungjawab keagamaan kepada kebajikan masyarakat. Umat Islam yang berakhlak tidak patut membisu terhadap amalan masyarakat yang bercanggah dengan nilai Islam. Mereka perlu menangani persoalan itu dengan menyertai usaha membina masyarakat dan bukan menjauhkan diri daripada membaiki keruntuhan masyarakat.

Dalam hal ini tidak ada suatu kuasa yang terdaya untuk memaksa selain dari kekuasaan Allah sendiri. Demikian juga contoh keteguhan dan kekukuhan akidah yang sungguh mengagumkan sehingga tidak terdaya dicatat oleh bahasa, iaitu contoh yang dikemukakan oleh Sumaiyyah r.a isteri Yasir r.a yang sanggup disula hanya semata-mata kerana akidahnya.

## **Kesimpulan**

Penjelasan yang dibentangkan itu dapat memberikan gambaran tentang tauhid sebagai asas penting mengenal Allah s.w.t.. Al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber utama dalam membentangkan maksud dan tujuan mempelajari tauhid.

Selain itu ia merupakan gambaran yang akan dipindahkan ke dalam fikiran dan pandangan umat Islam, seterusnya cuba diserapkan ke dalam jiwa dan perasaannya.

Akidah Islam adalah wadah acuan Allah untuk umat Islam membentuk dirinya, seterusnya membentuk sikap dan pandangan hidupnya dengan iradah dan keazamannya. Setiap umat Islam perlu meyakini seperti yang dituntut oleh akidah Islam itu sendiri, bahawa akidah merupakan asas dan teras dalam binaan hidup dan tamadun insan, sebagai simpulan tali pegangan yang kukuh dan teguh sebagai hamba yang taat yang ingin merubah dirinya dan membentuk keperibadiannya ke arah lebih baik dan kuat.

Secara keseluruhannya, akidah ini merupakan ikatan maknawi yang kukuh dan teguh yang menghubungkan antara manusia dengan hakikat-hakikat teragung al-muthul al-'ala. Kekuatan dan keteguhan simpulan akidah dalam jiwa ini ialah kerana ketetapan dengan al-muthul al-'ala yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan insani. Akidah sedemikian akan menjelma sebagai sesuatu paling bernilai dan berharga. Bahkan akidah itu telah menjelma sebagai sebahagian dari dirinya yang paling bernilai, bersifat qudus dan suci, menjadi sesuatu yang paling sensitif, sehingga tidak boleh tersentuh oleh sesuatu yang boleh merendahkan kedudukannya. Akidah dihubungkan dengan agama yang mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada akidah yang lain. Akidah Islam khususnya mempunyai keistimewaan yang tidak dipunyai oleh akidah dalam agama lain.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abu al-'Iz, t.th., *Sharh al-Tahawiyyah Wa al-'Akidah al-Salafiyyah*.

al-Ajuri, Abu Bakr Muhammad Ibn al-Hasan Ibn Abdullah, 1369H, *al-Shari'ah* tahqiq Muhammad Harnid al-Faqi, Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah.

Abdussalam Muhammad Harun, 1979M/ I 399H, *al-Alfu al-Mukhtārah Min al-Sahih al-Bukhar*, Kaherah.

Al-Basri al-Hasan et.al, t.th., *Rasa'iel al-'adl Wa al-Tauhid* tahqiq Muhammad 'Ammarah, Juz. 2, Kaherah: Dar al-Shuruk.

al-Fairuz Abādi, Majduddin Muhammad Ibn Ya'kub, t.th., *al-Kānzis al-Muhit*, Mesir: Tab'ah al-Albani.

Al-Haim, Abu 'Abd Allah, Muhammad bin 'Abd Allah, t.th., *al-Mustadrak 'la Sahihayn wa bi Dhailih al-Talkhis Li al-Dhahabi*.

Ibn Faris t.th., *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Jil. 4.

Ibn Taimiyyah dan Muhammad bin Abdul Wahhab t.th., *Majmu'ah al-Tauhid*, al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Ibn Waddah, t.th., *al-Bida' Wa al-Nahy*.

Al-Jaza'eri, Abu Bakr Jabir, 1982M/1402H, *Akidah al-Mu'min*, cet. 3, Jeddah.  
al-Juwaini, 1969, *al-Shamil Fi Usuluddin*, tahqiq Ali Sami al-Nasshar et.al., Mesir: al-Ma'arif.

al-Kufi, Abu Hamid Hanifah al-Nu'man Ibn Thabit, 1984M, *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, ed. Al-Mala 'Ali al-Qari al-Hanafi, cet. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Lāika-i , t.th., *Shark Usul I'tiqad Ak! al-Suirnak Wa oJ-Jama'ah*.

Muhammad Ibn Saleh Ibn Othaimin, 1990M/1411H, *al-Qawa'ed al-Muthla Fi Sifatillah Wa Asma'ih al-Husna*, cet. 1, Kaherah: Maktabah al-Sunnah.

Mahmud Shaltut, 1966, *al-Islam Akidah Wa Shari'ah*, cet. 2: Dar al-Qalam.

Muslim Ibn Hajjā al-Qusharii, 1978, *Sahih Muslim Bi Shar' al-Nawāwi*, 18 juz, Beirut: Dar al-Fikr.

Nasir al-'Aql, *Mabahith Fi 'Akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah*.

Al-Qardawi, Yusuf, 1980M/1401H, *al-Iman Wa al-Hayah*, cet. 7, Mesir: Maktabah Wahbah.

Sabir Tu'aimah, t.th., *al-Islam: Yaqinan La Talqinan*, Beirut: Dar al-Jail.

'Ulwan, Abdullah Nasih, 1985, *Tarbiyat al awlad fi al Islam*, Vol. 2, Kaherah: Dar al Salam

'Ulwan, Abdullah Nasih, 1995, *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*, terjemahan Syed Ahamad Semait, Jil.2, Singapore: Pustaka Nasional.

■■■■ ■■■■ ■■■■

---

**SITI SA'ADIAH SHAFIK**

**Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA  
Emel: sitisaadiah@udm.edu.my**

**NORSUHAILY ABU BAKAR**

**Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA, Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA  
Emel: norsuhaily@udm.edu.my**